

# DARI SEBULAN KE SEBULAN

**Yang berhormat** Encik Sulaiman Datuk

Abdul Rahman Menteri Kehakiman Persekutuan Tanah Melayu di dalam ucapannya menyebut Maulid Nabawi Sharif di Seberang Perai di antara lain dikatakan berkata: Bahawa cara-cara hendak menetapkan kemerdekaan hendaklah tiap-tiap umat Islam amnya dalam negeri ini mengikut dan mentaati segala ajaran Islam kita mengambil teladan atas perjalanan junjungan kita Muhammad (SAW) yang telah memperjuangkan Islam, dengan ini maka tak dapat tidak negara merdeka kita kelak terjamin dan dapat mengisi dengan segala isi-isinya yang dikehendaki.

Orang ramai Islam tentu menyambut dengan gembira ucapan dari seorang Menteri kita seperti ini yang menunjukkan keinsafan mereka kepada Islam. Mudah-mudahan yang demikian ini dapat segera dilaksanakan dengan menyegerakan kuatkuasa mengajar agama di sekolah-sekolah umum dengan ajaran Islam yang meliputi iaitu menyuruh umatnya memperjuangkan segala-galanya sehingga kepada bernegara dengan negara Islam, negara aman makmur yang dijanjikan tuhan. Untuk melaksanakan ini sudah tentu tidak akan dapat dijalankan kalau tidak pemimpin-pemimpin kita, terutamanya menteri-menteri kita lebih dahulu menunjukkan, sebagai contoh, bahawa mereka seorang Islam yang tulen yang berjihad dengan harta dan dirinya kepada jalan Allah, untuk mencari keredhaan Allah. Mudah-mudahan Allah memberi pertunjuk kepada mereka. Jadilah diri pemimpin-pemimpin itu contoh untuk ikutan orang.

\* \* \*

Al-Ustādh Ash ‘arī al-Na‘īm dalam ucapannya menyambut

Maulid Nabawi Sharif di antara lain-lain menyatakan bahawa: Sekarang pemuda-pemuda kita lebih mengenal sejarah-sejarah bintang filem daripada sejarah Nabi dan orang-orang Mukmin. Ini benar, janganlah ini hanya dipandang sebagai teguran tetapi buatlah ia sebagai suatu amaran yang dengannya ia menghendaki tenaga kita umat Islam memutar perhatian ia kepada jalan supaya mereka lebih gemar kepada ajaran Nabi dan orang-orang Mukmin daripada sejarah bintang filem. Caranya buatlah kitab-kitab agama yang sesuai dengan aliran fikiran mereka – yakni dibuat di dalamnya daya penarik. Buatlah kitab-kitab sejarah ini berperingkat-peringkat – dimulai dengan cara yang mudah kemudian baharu ditinggikan. Perhatilah kaedah-kaedah zaman sekarang dalam cara memberi penerangan. Dengan ini sahaja baharu kita dapat menjalankan langkah-langkah ini. Mari bekerja mengisi negara merdeka dengan faham agama – itulah patutnya yang diserukan supaya masing-masing bertugas sesudah kita memperingati hari Maulid junjungan kita Muhammad (SAW).

\* \* \*

Sedikit masa yang lalu Tengku Abdul Rahman Perdana Menteri Persekutuan sebagai sebagai sifatnya yang di-Pertua Perikatan telah mengeluarkan suatu isytihar bahawa Perikatan akan dijadikan satu badan politik gabungan yang berdaftar – yakni yang berundang-undang dasar sendiri. Orang-orang yang mengetahui menyatakan sebabnya diadakan yang demikian ini ialah kalau ada pilihanraya-pilihanraya maka Perikatan tidak boleh mengadakan calon terus

- hanya calon-calon dari UMNO – M. C. A. dan M. I. C. calon-calon itu hendaklah didaftarkan di atas nama pertubuhan-pertubuhan siasah yang berdaftar sedang pada masa yang lalu perikatan hanya sebagai gabungan biasa tetapi tidak berdaftar sebagai pertubuhan siasah – dan kerana itu ia tidak boleh mengadakan calon terus.

Melihat ini orang-orang Melayu yang di luar UMNO sedang tertanya-tanya bagaimana sikap yang akan diambil oleh orang-orang Melayu di dalam UMNO kerana menurut pendapat mereka, untuk mempertahankan kepentingan pemimpin-pemimpinnya maka suatu pengorbanan yang besar atas dasar kemelayuan dan UMNO sekarang, dengan adanya pendaftaran perikatan sebagai badan politik, akan hilang. Tidak hairan, kata pendapat itu, orang-orang dari M. C. A. dan M. I. C. Gembira menyambut perisytiharan itu.

Benar tidaknya pendapat ini biarlah kita pulangkan kepada ahli-ahli UMNO sendiri. Biarlah mereka memikirkan apakah dasar perjuangan asal mereka tatkala diperjuangkan dahulu masih tetap dipertahankan mereka atau pun mereka, oleh keadaan di sekelilingnya, kena mata dipicingkan – kena perut dikempiskan.

\* \* \*

Pada awal penggal bulan Oktober yang lalu suatu pertunjukan “Seni” telah diadakan oleh perkumpulan seni di Town Hall Singapura. Tujuan pertunjukan seni itu, menurut yang dimaksud oleh pengusahanya, adalah untuk menghidupkan seni Melayu asli. Di dalam pertunjukan itu telah ditunjukkan berbagai-bagai tarian – tari piring, tari serampang laut, joget dan seumpamanya. Tarian-tarian itu pada umumnya bagus. Tetapi bagi orang Islam sekarang tertanya-tanya bahawa dengan perisytiharan agama di Persekutuan Tanah Melayu agama Islam – dan orang-orang

yang bekerja melaksanakan seni itu boleh dikata orang Islam maka tidakkah molek ahli-ahli seni itu beransur-ansur mengubah corak seni yang berasal dari Portugis, dari Hindu dan seumpamanya kepada cara-cara yang diluluskan oleh Islam? Sebahagian orang meminta supaya diperingatkan kepada saudara-saudara penggemar seni bahawa mereka orang Islam - dan orang Islam itu mestilah bertanggungjawab kepada agamanya sebab pertanggungjawapan itu kelak akan ditanya dibelakang hari – adakah kita akan terikut-ikut kepada kegemaran ahli-ahli kebangsaan di Indonesia yang mengalirkan kesenian kepada cara Hindu? – terpulang kepada saudara-saudara itu menjawabnya.

\* \* \*

Lagi seorang, orang kuat UMNO di Johor, telah dipecat oleh ibu pejabat UMNO. Orang itu ialah Tuan Shaykh Anwar Ketua Pemuda UMNO Johor. Kononnya kalau Shaykh Anwar masih tetap di dalam UMNO maka keadaan mendatangkan bahaya kepada UMNO dan sebab itulah ia tidak dikehendaki. Dahulu orang yang berjasa, Cik Khadijah Sidiq, dan sekarang giliran Shaykh Anwar. Mengapa, apa dan bagaimana? Ini adalah hal-hal di dalam UMNO yang menjadi pertanyaan kerana nampaknya semakin kemajuan didapati maka semakin kencang penapisan di dalam UMNO atas orang-orang yang tidak dikehendakinya. Tidak kehendaki oleh siapa – juga menjadi pertanyaan. Kerana apa - juga jadi pertanyaan kerana banyaknya terbit pertanyaan-pertanyaan itu biarlah orang-orang UMNO bertanya sendiri sama sendiri – habis perkara – kata orang di luar UMNO.

\* \* \*

Banyak perkara besar berlaku di dalam lingkungan kita berlaku pada masa akhir-akhir ini. Dahulu apabila terbit bersalahan faham di antara Tengku dengan Tuan Said Jaafar

Albar maka akhbar Melayu tempatan ribut. Juga yang lebih dahulu daripada itu seperti peristiwa Cik Khadijah Sidiq; tetapi orang hairan dalam peristiwa Shaykh Anwar dan dalam peristiwa perjanjian pertahanan; dan akhirnya peristiwa perikatan didaftarkan sebagai badan gabungan siasah, akhbar Melayu tempatan yang bersembayan bekerja kerana “bangsa, tanah air dan agama” senyap, ruangan orang ramainya ditutup daripada memberi fikiran. Apakah ia sudah ditegah? Tanya orang-orang sekarang. Barangkali, kata setengahnya. Walhasil timbullah pertanyaan di awang-awang yang tidak dapat dijawab melainkan oleh orang-orang yang berkenaan atau pun oleh masa nanti.

\* \* \*

Penculikan-penculikan terhadap orang hartawan di Singapura lepas satu berganti satu. Mengapa dan apa sebabnya – orang ramai kurang faham – tetapi yang dapat difahamkan harus inilah suatu cara mencari wang yang mudah sekali asalkan orang berani melakukannya. Dengan kejadian-kejadian yang banyak berlaku masa yang akhir-akhir ini, atau pun menurut kebiasaan, harus semakin galak dalam masa hampir kepada Tahun Baharu Cina, orang ramai tentu akan bertanya. Di manakah kekuasaan polis untuk menjaga keamanan penduduknya? Soal inilah yang patut diperhatikan dengan sangat oleh kerajaan supaya tenaga-tenaga ahli jangan diketepikan dengan lekas sebelum ada gantinya yang memang ahli memegang tempat-tempat yang mustahak.

\* \* \*

Lembaga tetap Kongres, dalam mesyuaratnya yang akhir, dikatakan telah tidak mahu mengakui Jawatankuasa Ejaan Rumi yang dibentuk oleh kerajaan Persekutuan Tanah Melayu, yang ahli-ahlinya banyak juga didapat dari warga Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu.

Terbitnya keputusan ini harus kerajaan memandang bahawa telah timbul beberapa aliran yang menghendaki ejaan baharu yang diputuskan oleh Kongres dahulu supaya dilaksanakan sehingga menjadikan sebab timbul persoalan-persoalan ejaan mana yang hendak digunakan di dalam persuratan Rumi Melayu sekarang. Kerajaan tentunya tidak akan menelan bulat-bulat akan apa yang diputuskan oleh Kongres tentang huruf-huruf baharu yang hendak digunakan. Maka sebenarnya langkah kerajaan mengadakan Jawatankuasa Ejaan sendiri adalah suatu langkah yang bijak kerana dengan demikian segala kemahuan setengah-setengah orang, yang nampaknya hendak mengadakan paksaan melaksanakan kemahuan mereka, dapat ditimbang dan dihalusi dengan timbangan yang lebih baik – hal ini tentu ada baiknya.

\* \* \*

Terbit daripada ejaan ini pula maka nampaknya ada golongan-golongan di dalam lembaga tetap Kongres itu yang berkemahuan menjalankan suatu keputusan Kongres dengan salah jalannya. Mereka menghendaki supaya ejaan yang dirangka mereka, yang masih dalam tapisan Jawatankuasa Ejaan Rumi Kongres sendiri terus dilaksanakan. Mereka melupakan bahawa Kongres memutuskan bahawa ejaan itu akan dilaksanakan sesudah ada persetujuan di antara Malaya dan Indonesia kerana salah satu dari tujuan mengadakan ejaan baharu itu ialah hendak menyatukan di antara dua ejaan di Indonesia dan di Malaya yang berasal daripada dua rumpun – Belanda dan rumpun Ingeris. Kerana itu sebelum ada keputusan itu mengapa orang-orang yang menyorongkan ejaan itu seolah-olah memaksakan supaya ejaan itu diterima?

\* \* \*

Surat khabar Indonesia Raya yang dipimpin oleh Mochtar Lubis (yang sedang ditahan beberapa lamanya) sekarang telah ditutup oleh pemerintah Indonesia. Sebabnya tidak lain kerana akhbar itu berani membongkar, dengan bukti-bukti yang nyata, tentang keburukan yang terjadi di Indonesia terutamanya. Di atas pemimpin-pemimpin Indonesia. Sehari sebelum akhbar itu ditutup mereka mengeluarkan beberapa tempat yang kosong dan esoknya akhbar itu ditahan. Sebahagian orang memandang inilah cara-cara demokrasi yang diagung-agungkan oleh Indonesia. Adakah hal ini akan terjadi pula di Malaya, jika mengadakan kritik-kritiknya kepada kerajaan? - mudah-mudahan jangan.

\* \* \*

Alhamdulillah, tahun ini penyelenggaraan Maulid Nabawi

Sharif di Singapura cukup hebat dari tahun-tahun yang sudah-sudah. Tetapi rupanya untuk “menyenangkan” kemahuan pihak yang terbanyak akhirnya murid-murid sekolah perempuan dari sekolah-sekolah dan madrasah-madrasah dibenarkan untuk dijamu dengan makanan. Akhirnya apa sudah jadi berhimpunlah di majlis itu di antara lelaki dengan perempuan tidak berkecuali berkecuali lagi. Anak-anak sekolah yang sudah gadis juga ramai datang – dan pemuda-pemuda tentulah ramai pula datang untuk “melihat” temasya majlis syarahan Nabi. Kalau dibilang mereka mahu bukti. Buktinya lihat gambarnya di ruangan ini. Mudah-mudahan ini menjadi suatu pengajaran dan perhatian umat Islam Singapura supaya jangan mengikut sangat “kesenangan” hati sebahagian mereka yang dikatakan pemimpin Islam!



*Pemandangan dalam majlis meraikan Maulid al-Nabawī al-Sharīf yang telah diadakan di rumah Jam 'iyah Lorong 12 Geylang.*

*(Lihat ruangan Dari Sebulan ke Sebulan)*